



SITI SUHAILAH SHAHRUDDIN (tengah), Nurul Afifah Adila Mohd. Salleh (kanan) dan Irfan Mohd. Fairus bersama piala masing-masing dalam Pertandingan Pidato Dakwah Belia Islam Piala Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2015 di Arau, Perlis, semalam.

Bajet 2016 penuhi maqasid syariah

ARAU 25 Okt. – Pembentangan Bajet 2016 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat lalu memenuhi keperluan maqasid syariah dalam memeliha-ra agama dalam bidang ekonomi serta pembentukan jiwa dan akal masyarakat.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha sehubungan itu menyifatkan bajet berkenaan sebagai menyeluruh dan memenuhi kehendak dan tuntutan agama Islam.

“Dalam keadaan ekonomi men-cabar, Perdana Menteri membentangkan bajet untuk segenap la-pisan masyarakat daripada semua aspek secara wasatiyyah (berse-derhana).

“Ini merangkumi agama, pem-bentukan jiwa dan akal menerusi pendidikan, keturunan dan harta (ekonomi),” katanya dalam si-dang akbar selepas penutupan Pertandingan Pidato Dakwah Belia Islam Piala Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2015 bermula 23 Oktober hingga hari ini di kampus tetap Universiti Malaysia Perlis

(Unimap) di Pauh Pu-tra, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Othman memberita-hu, Jakim akan terus memberi peringatan kepada seluruh umat Islam supaya tidak terlalu ghairah men-yampaikan berita yang mereka peroleh menerusi media so-sial termasuk khutbah.

Terdahulu, ke-tika berucap, beliau menarik perhatian bagaimana kes seorang imam Masjid Negara yang ditampar seorang lelaki warga asing baru-baru ini kerana mengalami gang-guan mental.

“Namun hanya dalam beberapa jam, pelbagai berita tidak benar disebarluaskan termasuklah mendakwa lelaki warga asing itu berfahaman syiah,” katanya.

Dalam pertandingan itu, pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Siti Suhailah Shahruddin, 22, diumumkan sebagai juara de-



OTHMAN MUSTAPHA

ngan menewaskan Nurul Afifah Adila Mohd. Salleh (Universiti Putra Malaysia) dan Irfan Mohd. Fairus (USIM).

Siti Suhailah ke-tika ditemui mem-beritahu, ibunya, Siti Fatimah Yusof yang bekerja sebagai ju-ruteknik di Radio Televisyen Malaysia (RTM), Kuantan, Pa-hang, banyak membantunya membina keyakinan diri untuk menjadi pemidato yang baik.

Dia yang meminati pidato dan pernah memasuki beberapa pertandingan seumpamanya ketika sekolah menengah, tidak menolak kemungkinan untuk mengembangkan bakatnya dengan memasuki program realiti pada masa hadapan.

“Jika diberi peluang, saya ingin mencuba pertandingan realiti di dalam televisyen pula,” katanya yang memenangi RM3,000 dan piala pusingan.